

Risda Segamat beri pinjaman utk ternak ayam

SEGAMAT 14 Okt. — RISDA Daerah Segamat telah berjaya menganjurkan satu perusahaan memternak ayam dengan mengeluarkan pinjaman modal asas berjumlah \$12,017.97 sen.

Perusahaan itu telah dilakukan di Kampung Pagoh Dua, kira-kira 3 batu dari bandar ini oleh Persatuan Pekubun Kecil Berkelompok kampung itu dengan RISDA.

Pegawai RISDA daerah, Encik Mohammad Dini memberitahu, bantuan yang dikeluarkan itu termasuklah pembelian anak-anak ayam, makanan ayam, ubat-ubat dan lain-lain kemudahan termasuk pagar.

Modal asas

"Bantuan ini dibuat memandangkan perusahaan memternak ayam adalah satu usaha yang sangat menguntungkan lebih-lebih lagi bagi menjamin pendapatan penduduk luar bandar," ujarnya.

Selain dari RISDA yang memberikan modal pinjaman asas dan mengajurnya, jabatan-jabatan lain seperti pertanian, haiwan dan perikanan peladang turut memberikan berbagai bantuan dan nasihat.

Sebuah jawatankuasa mengelolakan

OLEH ADAM MUSA

perusahaan itu telah dibentuk dengan Encik Yusoff Mohd. Yassin selaku pengerusi, Encik Lamat Abu setiausaha, Encik Kassim Misran penolongnya dan Encik Ujang Samsu bendahari serta beberapa orang ahli jawatankuasa.

Salah seorang peserta projek itu, Encik Aziz Jaba bila ditemui menyatakan rasa bangga di atas inisiatif pihak RISDA yang sanggup memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam melaksanakan projek tersebut.

Katanya, dengan usaha seperti ini para belia sepatutnya turut sama bagi memenuhi masa lapang.

Encik Bujang Samsu yang menjadi bendahari pula memberitahu, kewangan yang ada sekarang berjumlah \$4,000 dan dengan itu akan berusaha untuk membesarkan lagi perusahaan ini.

"Pada masa ini terdapat 3,000 ekor ayam dan tempahan dari pihak pembeli terutama dari luar daerah sangat menggalakkan," ujarnya.

Menurut setiausahanya pula, Encik Lamat Abu, kejayaan projek ini berpunca dari semangat ingin maju serta bersatu hati dalam sebarang hal.

Mengenai pasaran, beliau mengharapkan agar pihak-pihak berkenaan dapat turut sama mengambil berat bagi menjamin kejayaan yang lebih cemerlang.

Seorang suri rumah, Cik Keriting Abdullah pula menyatakan rasa seronok dapat membantu bagi menjayakan projek ini.

Kementerian digesa timbang bantuan ganti rugi utk petani

PARIT BUNTAR 14 Okt. — Kementerian Pertanian digesa menimbang bantuan ganti rugi kepada petani-petani yang hilang mata pencarian di kawasan pilihanraya Kuala Kurau akibat kerosakan sawah mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri Perak Kawasan Kuala Kurau, Encik Zakaria Haji Johor Ali, ketika membuat gesaan tersebut memberitahu, lebih 800 ekar sawah dalam kawasan Kuala Kurau telah musnah akibat kemarau atau diserang tikus.

Katanya, musim menuai kali pertama dalam bulan Mei lalu, kira-kira 500 ekar sawah telah musnah sama sekali akibat diserang tikus atau kemarau panjang.

Encik Zakaria telah membawa masalah nasib malang petani tersebut ke persidangan Dewan Undangan Negeri Perak yang lalu supaya mendapat perhatian dari pihak berkenaan.

Hasil daripada itu, ujar beliau, pihak Jabatan Pertanian telah menjalankan penyiasatan atas kerosakan yang berlaku dan berjanji akan menimbang bantuan benih padi untuk petani-petani yang malang itu.

Bagaimanapun, wakil rakyat itu berpendapat, bantuan benih padi sa-

haja adalah tidak mencukupi kerana petani-petani tersebut hilang mata pencarian sama sekali.

Beliau mencadangkan supaya kementerian berkenaan menimbang bantuan sebanyak \$100 seekor untuk petani-petani yang hilang mata pencarian itu.

Kata beliau lagi, kerajaan hendaklah memberi bantuan sama seperti apa yang telah diberikan untuk petani-petani di Kawasan Muda dan Tanjung Karang.

Sementara itu, kira-kira 300 ekar sawah yang baru ditanam bulan Ogos lalu mula diserang tikus dan keadaan pokok-pokok padinya sangat membimbangkan.

Beliau menambah, sawah yang diserang tikus itu terletak dalam kawasan Kuala Kurau dan petani-petani yang terlibat sekarang berada dalam keadaan cemas, kerana berbagai usaha untuk menghapuskan tikus itu tidak berhasil.

Adalah dianggarkan, kira-kira 400 orang petani terlibat dengan kerosakan sawah itu.

"Walaupun kerja saya cuma memberi ayam-ayam ini makan sahaja pada waktu siang dan malam, kepenatan yang dirasakan itu hilang kerana kerja ini amat sesuai dengan saya," jelasnya.

Belia Asia lawat Melaka

MELAKA 14 Okt. — Seramai 180 orang pemimpin-pemimpin Belia Asia Tenggara/Jepun, akan melawat negeri ini selama 2 hari mulai 17 Oktober ini.

Rombongan itu akan tiba, di Kendong pada pukul 9 pagi, dan akan dibawa ke Kompleks Pelbagaiguna Air Keruh di mana upacara sambutan akan diadakan.

Ketua-ketua rombongan itu akan mengunjungi: Ketua Menteri, Haji Abdul Ghani Ali, di pejabatnya.

"Belia-belie itu kemudian akan diserahkan kepada keluarga-keluarga angkat di kompleks pelbagaiguna.

Di sebelah petangnya, satu pertandingan gasing akan diadakan di Padang Temu, manakala di sebelah malam pula satu pertunjukan kebudayaan akan diadakan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir.



ENCIK YUSOFF



ENCIK AZIZ JABA

Bekalan api rosak ramai gelisah

KEMAMAN 14 Okt. — Orangramai dan kakitangan Pusat Kesihatan Kemasik gelisah berikutan bekalan api di pusat tersebut telah rosak sebulan lalu sehingga ini masih belum diperbaiki.

Generator api di pusat itu kepunyaan Jabatan Kesihatan sendiri telah mengalami kerosakan sejak dua hari sebelum Hari Raya Puasa lalu, hingga ini belum siap diperbaiki.

Orangramai turut terlibat dengan kesulitan itu khususnya mereka yang datang waktu malam untuk mendapatkan rawatan kecemasan.

Sementara itu, pegawai kesihatan di sini ketika dihubungi enggan mengulas serta menafikan kejadian tersebut.

Peruntukan kilat \$5 juta untuk bekalan air di Kuala Trengganu

KUALA BRANG 14 Okt. — Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan \$5 juta bagi rancangan kilat perbekalan air di Kuala Trengganu menjelang pembinaan rancangan hidro elektrik di Ulu Trengganu.

Menteri Besar Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad menyatakan bahawa rancangan itu perlu bagi mengatasi kesulitan bekalan air di Kuala Trengganu apabila air Sungai Trengganu mula ditakung pada tahun 1982 untuk rancangan hidro elektrik itu.

Beliau berkata beberapa buah telaga telah dibekalkan air apabila air dari sungai itu berkurangan.

Datuk Haji Wan Mokhtar telah berucap kepada kira-kira 500 orang dalam satu perjumpaan Hari Raya dengan rakyat dalam kawasan Ulu Trengganu di Dewan Bandaran di sini petang ini.

Beliau berkata rancangan kilat perbekalan air itu adalah sebagai suatu contoh perancangan yang teliti oleh pihak kerajaan bagi mengatasi kesulitan-kesulitan rakyat.

Datuk Haji Wan Mokhtar berkata jawatankuasa pertanian dan

perikanan negeri sedang merancang berbagai projek untuk membaiki masa depan golongan-golongan itu.

Beliau telah meluluskan peruntukan lebih \$42,000 untuk dibelanjakan tahun ini bagi membina gerai-gerai dan membekalkan keretakereta tolak kepada peniaga-peniaga kecil di daerah Ulu Trengganu.

Datuk Haji Wan Mokhtar berkata ini adalah di antara usaha-usaha kerajaan negeri dalam membimbing peniaga-peniaga kecil dan peruntukan bagi tahun depan akan diusahakan.

Beliau juga menegur sikap golongan yang menyalahgunakan nikmat-nikmat yang mereka peroleh di negeri ini dan berharap supaya mereka menyedari kesalahan mereka itu.

Datuk Haji Wan Mokhtar berkata beliau memberi peluang yang seluas-luasnya kepada rakyat untuk membuat kritikan yang membina kepada beliau atau pentadbiran negeri itu.

Ini ialah untuk memberi peluang kepada semua rakyat memainkan peranan mereka membangunkan sebuah negeri yang makmur. — Bernama.

Ekonomi Sabah jalan pesat — Ongkili

KOTA KINABALU 14 Okt. — Timbalan Ketua Menteri, Datuk James Ongkili berkata pembangunan ekonomi Negeri Sabah berjalan dengan pesat sejak pemerintahan kerajaan negeri yang baru April tahun lalu.

Ini dapat dilihat dengan terdapat banyaknya permohonan bagi projek-projek di negeri itu termasuklah bagi industri berasaskan kayu, pertanian dan buah kilang kertas dan palpa yang dicadangkan.

Katanya, minat yang ditunjukkan oleh para peniaga tempatan dan asing memulakan projek-projek baru telah menghasilkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak di Sabah.

Menurut buliten terbaru Jabatan Tenaga Rakyat, Kuala Lumpur, jumlah orang-orang yang menganggur di Sabah pada bulan Jun ini telah turun sebanyak 12% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu, tambahnya.

Datuk Ongkili yang juga Menteri Kemajuan Perindustrian Negeri berkata, pihaknya sekarang ini sedang menyiapkan jentera untuk memproses permohonan-permohonan bagi projek-projek baru itu.

Beliau memberitahu, cadangan-cadangan bagi mengadakan peluang-peluang pelaburan baru akan dibentangkan di Seminar Pelaburan Antarabangsa tahun depan.

Timbalan Ketua Menteri itu juga mengumumkan bahawa seminar itu yang sepatutnya diadakan di sini bulan depan telah ditangguhkan pada satu tarikh pada bulan April depan.

Awal tahun ini kerajaan negeri telah berjaya mengadakan satu seminar pelaburan bagi para peniaga tempatan.

TAHUKAH ANDA! AMANAH SAHAM MARA DITUBUHKAN UNTUK ANDA

Untuk mendapatkan faedah, Buat diri sendiri, Masa depan anda, dan Masa depan bangsa

HUBUNGILAH ASMB KAMI SEDIA BANTU ANDA UNTUK MERANCANG

AMANAH SAHAM MARA ditubuhkan oleh kerajaan untuk memudahkan kaum BUMIPUTRA menanam modal secara SAHAM AMANAH dengan tujuan:—

1. Menambah hak milik Bumiputra melalui pembelian saham.
2. Mendapatkan keuntungan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat dan membahagikan kepada Bumiputra.
3. Mengembangkan modal Bumiputra melalui perkembangan modal yunit tabung kumpulan Bumiputra.
4. Menjaga keselamatan modal Bumiputra yang menjadi pemegang yunit.

Untuk mendapatkan keterangan lanjut sila hantarkan keratan disediakan di sebelah ini

Sila kirimkan kami borang dan risalah berikut:—

PENGURUS BESAR

Amanah Saham Mara Berhad

22—24, Lorong Medan Tuanku Satu, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Peti Surat 701, Kuala Lumpur 03-01

● RISALAH DAN BORANG AMANAH SAHAM MARA BHD.

● RISALAH DAN BORANG AMANAH SAHAM MARA NOMINEES SDN. BHD.

Nama:


Alamat:

UM, ASMB, 15.10.77

Amanah Saham Mara menjamin masa depan anda



Percuma penyejuk air dengan setiap Peti Sejuk National atau Super-sets apabila anda membeli sekarang!



Juga boleh diperolehi model-model terbaru NR-130 EEM, NR-160 SZM, NR-160 DZM.

Paling sesuai untuk masa bersuka ria ...

Penyejuk air cantik ini boleh mengandungi 6.8 liter air sejuk (atau panas) selama 6 jam. Mudah dan boleh di bimbit ia paling sesuai untuk perjalanan jauh, parti, piknik, perkelahan — pendek kata, semua acara bersuka ria. Lengkap dengan cawan dan ampunya.



Juga boleh diperolehi model-model terbaru 12 PC, 17 EMC, 24 EMC.

Super-sets Pasanglah dan saksikan kelebihannya.

Tawaran sah dari 20hb September 1977 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Semasa stok masih ada!

National Peti Sejuk & Talivisyen

Matsushita Sales & Service Sdn. Bhd.